

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

TARIKH : 23 MEI 2016

RUJUKAN : 9167 [Pertanyaan di bawah PM.22 (5)]

SOALAN:

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:

- a. Bilakah kontrak pembekalan senjata api diberikan kepada Nilai Arms and Ammunitions milik Juwiza Khalid bermula; dan
- b. Adakah senjata api yang dibekalkan oleh syarikat tersebut dijual kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak pernah menganugerahkan apa-apa kontrak pembekalan senjata api kepada syarikat *Nilai Arms and Ammunitions* untuk membekalkan senjata api kepada mana-mana agensi penguat kuasa di bawah KDN termasuk Polis Diraja Malaysia setakat ini.